



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

PELAWAAN PENAJAAN *JICA LONG TERM TRAINING SDGS GLOBAL LEADER 2026*

Japan International Cooperation Agency (JICA) telah membuka permohonan penajaan di bawah ***JICA Long Term Training SDGs Global Leader 2026*** kepada pegawai kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) untuk mengikuti **pengajian Sarjana dan Ph.D di Jepun**.

Justeru, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) selaku *nominating agency* bagi program ini mempelawa pegawai kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) yang berminat dan memenuhi syarat seperti di **LAMPIRAN A** untuk **memohon penajaan tersebut melalui Ketua Jabatan dan Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM)** masing-masing.

Pegawai P&P yang berminat dan berkecenderungan boleh melengkapkan borang permohonan secara dalam talian melalui portal <https://penajaan.jpa.gov.my/> daripada **8 hingga 26 September 2025**. Borang permohonan yang telah dilengkapkan secara dalam talian tersebut hendaklah dicetak, ditandatangani dan dikemukakan kepada Ketua Jabatan dan PPSM masing-masing berserta dengan dokumen-dokumen sokongan yang berkaitan. Semua permohonan yang disokong oleh Ketua Jabatan dan diperaku oleh PPSM hendaklah dikemukakan dan diterima oleh pihak JPA **selewat-lewatnya pada 3 Oktober 2025** sama ada melalui serahan tangan / pos melalui alamat seperti berikut:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam
Bahagian Pembangunan Modal Insan
Aras 3, Blok C2, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 PUTRAJAYA
(u.p: Unit Pengurusan Penawaran Latihan Dalam Perkhidmatan)

Maklumat terperinci berhubung tatacara permohonan / pencalonan bagi program ini adalah seperti di **LAMPIRAN B**. Sila hubungi talian **03-88853569** atau **e-mel: penawaranldp@jpa.gov.my** untuk sebarang pertanyaan lanjut berhubung penajaan ini.

Bahagian Pembangunan Modal Insan
Jabatan Perkhidmatan Awam
8 September 2025

LAMPIRAN A

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

JICA LONG TERM TRAINING SDGS GLOBAL LEADER 2026

- 1) Pegawai Perkhidmatan Awam **Kumpulan Pengurusan dan Profesional Iantikan tetap** yang berumur tidak melebihi **35 tahun (Sarjana) atau 40 tahun (Ph.D)** pada **1 April 2026**;
- 2) Telah **disahkan dalam skim perkhidmatan terkini** pada 1 Januari 2025;
- 3) Mencapai purata markah minimum Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) **85% bagi tempoh tiga (3) tahun berturut-turut (2022, 2023 & 2024) dalam skim perkhidmatan terkini**. Penilaian setahun LNPT **hendaklah genap 12 bulan**;

Nota: Pegawai yang mempunyai rekod Cuti Tanpa Gaji (CTG) atau Cuti Separuh Gaji (CSG) dalam **tahun penilaian LNPT terlibat dan tahun penawaran tidak layak dipertimbangkan penyertaan** di bawah program ini.

- 4) Mempunyai kelayakan akademik **Ijazah Sarjana Muda dan/atau Sarjana (sekiranya berkaitan)** daripada universiti yang diiktiraf oleh Kerajaan;
- 5) Mengikuti pengajian di **peringkat yang lebih tinggi** daripada kelayakan akademik sedia ada yang dimiliki pegawai.

Nota: Pegawai bertanggungjawab untuk mengisytiharkan kelayakan akademik tertinggi semasa yang dimiliki. Sekiranya pegawai gagal mengisytiharkannya dan dapat dikesan kemudian, pegawai bertanggungjawab sepenuhnya ke atas sebarang **implikasi yang timbul daripada kegagalan pengisytiharan tersebut** termasuklah pembatalan penawaran (sekiranya berjaya), tanggungan kos yang terlibat (sekiranya ada) dll.

- 6) Mempunyai **penguasaan Bahasa Inggeris yang baik (TOEFL IBT: 80 @ IELTS: 6.5)**. Pengesahan penguasaan Bahasa Inggeris seperti TOEFL/ TOEIC/ IELTS hendaklah diberikan sekiranya ada;
- 7) Mematuhi **syarat genap tempoh** tamat mengikuti kursus jangka panjang / sederhana seperti berikut:

Tempoh Kursus	Tempoh Menunggu (pada 1 Januari 2025)
Lebih daripada 12 bulan	2 tahun
Lebih daripada 3 bulan dan kurang daripada 12 bulan	1 tahun

- 8) Bersih daripada sebarang pertuduhan/ tindakan tatatertib/ dakwaan mahkamah;
- 9) Telah **mengisytiharkan harta** dalam tempoh **lima (5) tahun terkini**;
- 10) **Bukan peminjam tegar** pinjaman pelajaran atau bukan dalam **senarai hitam** Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) atau badan penaja lain; dan
- 11) Tidak mempunyai sebarang masalah kesihatan serta kecacatan fizikal dan mental.

LAMPIRAN B

JPA(L)LDP 1A/96

LAPORAN JAWATANKUASA LATIHAN KEMENTERIAN/JABATAN UNTUK KURSUS DALAM PERKHIDMATAN

1. TAJUK KURSUS				
2. TEMPAT KURSUS				
3. TEMPOH KURSUS				
4. PENGANJUR				
5. BIL. PERMOHONAN DITERIMA				
6. BIL. CALON YANG LAYAK				
7. BUTIR-BUTIR CALON YANG DIPERAKUKAN (Sila buat lampiran jika ruangan tidak mencukupi)				
Nama dan Jawatan Calon	Kelulusan / Institut / Tahun	Perkhidmatan Sekarang		Tarikh Lahir / Umur
		T/Lantikan	T/Sah	
<u>Calon Tetap</u>				
<u>Calon Simpanan</u>				
8. KEANGGOTAAN JAWATANKUASA LATIHAN		ASAS ASAS PERAKUAN		
<u>PENGERUSI:</u> Nama : Jawatan: <u>AHLI :</u> 1. Nama : Jawatan: 2. Nama: Jawatan: (Tandatangan Pengerusi/Setiausaha) Nama : Jawatan: Cop Rasmi Kerajaan: Tarikh:		<u>PERAKUAN</u> DENGAN PERAKUAN INI KETUA JABATAN/ KEMENTERIAN BERSETUJU MELULUSKAN PEGAWAI UNTUK BERKURSUS		